

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah peruntukan pinjaman faedah rendah Agrofood dalam pakej rangsangan 1 (27 Februari 2020), pakej rangsangan 2 (27 Mac 2020) dan pakej rangsangan 3 (5 Jun 2020). Apakah syarat-syarat meminjam dan nyatakan sebab-sebab sesetengah pengusaha mengadu tabung sudah kehabisan.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Di bawah Pakej Rangsangan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyediakan Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility – AF*) sejumlah RM1 bilion kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam Sektor Agromakanan. Pembiayaan ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan bagi keperluan dalam negara dan juga untuk tujuan eksport.
2. Peruntukan ini boleh dipohon oleh PKS melalui mana-mana institusi kewangan termasuk Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), tertakluk kepada ketersediaan dana oleh BNM. Sehingga pertengahan Julai 2020, Agrobank telah menerima dana Kemudahan Agromakanan ini daripada BNM berjumlah hampir RM200 juta.

3. Syarat-syarat dikenakan oleh Agrobank adalah seperti mana syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh BNM. Antara syarat pembiayaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) terbuka kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sektor agromakanan;
- (ii) had maksimum pembiayaan yang disediakan ialah sebanyak RM5 juta bagi setiap PKS dengan kadar 3.75%;
- (iii) tempoh maksimum pembiayaan adalah selama lapan (8) tahun;
- (iv) fokus utama adalah bagi perbelanjaan modal dan operasi serta pembangunan projek agromakanan; dan
- (v) pembiayaan ini boleh dipohon oleh PKS Malaysia yang 51% sahamnya dimiliki oleh warganegara Malaysia.

4. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menerima peruntukan Dana Pembiayaan Mikro Kredit Agromakanan sejumlah RM350 juta bertujuan untuk memastikan kelangsungan sektor pertanian dan makanan yang terjejas akibat Pandemik Covid-19. Pinjaman mikro ini ditawarkan menerusi Agrobank pada kadar 3.5%.

5. Selain daripada perkhidmatan pembiayaan, Agrobank turut memberikan latihan keusahawanan serta khidmat nasihat perniagaan kepada usahawan yang berminat dalam Sektor Agromakanan.

6. Berkaitan dengan aduan bahawa dana Kemudahan Agromakanan sudah kehabisan, Agrobank tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan lisan atau bertulis yang menyatakan bahawa peruntukan dana ini telah kehabisan, malah Agrobank mengalu-alukan penerimaan permohonan-permohonan baharu.

Sekian, terima kasih.